

SENARAI SEMAK PEMAKLUMAN KEMATIAN DI INDONESIA

Pemakluman kematian warganegara Malaysia di Republik Indonesia boleh dimaklumkan kepada Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta atau Pejabat Perwakilan Malaysia di Medan, Pekanbaru & Pontianak (yang mana berdekatan) dengan memberikan dokumen-dokumen seperti berikut: -

- | | |
|---|--------------------------|
| 1. Salinan dokumen pengenalan diri (pasport @ kad pengenalan) | ☐ |
| 2. Surat Kematian daripada Rumah Sakit/Hospital | ☐ |
| 3. Salinan KITAS/Visa (Sekiranya ada) | ☐ |
| 4. Salinan Kad Pengenalan/Pasport waris | ☐ |
| 5. Salinan Sijil Nikah (jika suami/isteri) | ☐ |
| 6. Salinan Sijil Lahir (jika anak/ibubapa/adik beradik) | ☐ |

***Bagi kes kematian yang lambat dilaporkan kepada Kedutaan harus ada :**

- Akta Kematian yang dikeluarkan oleh Catatan Sipil/Dukcapil di Daerah Kematian
- Surat bukti pemakaman yang dikeluarkan tempat pemakaman daerah setempat/Kelurahan

Pihak Kedutaan akan mengeluarkan Surat Pengesahan Kematian (SPK) dan dokumen lain yang diperlukan bagi membawa jenazah pulang ke Malaysia atau kremasi di Indonesia mengikut keperluan pihak keluarga. Pihak Kedutaan juga menyarankan agar pihak keluarga atau majikan untuk menyegerakan permohonan Akta Kematian daripada Dinas Kependudukan dan Pencatatan Sipil (DUKCAPIL) yang berdekatan dengan lokasi kematian. Akta Kematian ini perlu dilegalisir atau disahkan di tiga (3) agensi berikut:

- | | |
|--|--------------------------|
| 1. Kementerian Hukum dan Hak Asasi Manusia, Indonesia
https://apostille.ahu.go.id/ | ☐ |
| 2. Kementerian Luar Negeri, Indonesia
https://legalisasi.kemlu.go.id/ | ☐ |
| 3. Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta
Atau Pejabat Perwakilan Malaysia di Medan, Pekanbaru & Pontianak (yang mana berdekatan). Bayaran legalisir di Kedutaan Besar Malaysia Jakarta dikenakan dalam rupiah yang bersamaan dengan RM20.00. | ☐ |

Akta Kematian yang telah dilegalisir boleh digunakan untuk pendaftaran kematian di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).